

1.0 Kerja-kerja pembaikan kecil (Untuk bangunan kediaman dan bukan kediaman).

Permohonan ini hanya memerlukan kelulusan **permit** dari Majlis Perbandaran Pulau Pinang. Kerja-kerja yang dibenarkan di bawah kategori ini ialah:

- A Melibatkan kerja-kerja pembaikan kecil seperti menukar lapisan bumbung (tanpa melibatkan kerangka utama), lantai dan sebagainya tanpa melibatkan pindaan atau tambahan kepada struktur utama bangunan atau tambahan ruang kepada mana-mana bahagian bangunan sedia ada.
- B Mengecat semula bangunan;
- C Menukar pintu, tingkap atau kemas lantai;
- D Menaiktaraf pandangan luaran bangunan yang tidak terlibat dengan struktur bangunan;
- E Pindaan terhadap dinding sekatan dalaman.
- F Kerja-kerja lain di mana permit boleh dipertimbangkan.

Nota:

permohonan untuk permit perlu dikemukakan melalui Borang PMB 1 yang boleh diperolehi di Jabatan Bangunan, Tingkat 14, KOMTAR, Pulau Pinang.

2.0 Tukarguna bangunan

Menukar kegunaan bangunan daripada kediaman kepada aktiviti-aktiviti lain seperti perniagaan, pendidikan dan sebagainya perlu mendapatkan 'Kebebasan Merancang' terlebih dahulu daripada Majlis Perbandaran Pulau Pinang dengan membuat permohonan kepada Jabatan Bangunan, Tingkat 14, KOMTAR, Pulau Pinang.




Proses menyemak pelan bangunan oleh pegawai-pegawai di Jabatan Bangunan

3.0 Kerja-kerja pindaan / tambahan dan yang melibatkan keluasan lantai

- A Pelan bangunan hendaklah dikemukakan untuk kelulusan Majlis Perbandaran Pulau Pinang.
- B Layak untuk kelulusan pelan secara serta-merta (**On the Spot Approval**)*. Pemohon perlu membuat pendaftaran untuk hadir sendiri di Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Yang Dipertua Majlis (bersidang 2 kali sebulan).

Pendaftaran atau pengemukakan pelan bangunan hendaklah dibuat di Unit Pendaftaran Pelan, Tingkat 15, KOMTAR Pulau Pinang.

*Tertakluk kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan.



4.0 Pembinaan semula bangunan atau Membina bangunan baru:

- A 'Permohonan Kebebasan Merancang' serta Pelan Bangunan hendaklah dikemukakan untuk kelulusan Majlis Perbandaran Pulau Pinang.
- B 'Permohonan Kebebasan Merancang' serta Pelan Bangunan hendaklah dikemukakan kepada Unit Pendaftaran Pelan, Tingkat 15, KOMTAR Pulau Pinang.

Nota:

Permohonan melalui kaedah 3.0 dan 4.0 di atas perlu dibuat menggunakan perkhidmatan Arkitek atau Pelukis Pelan (Registered Building Draughtman) yang berdaftar.

Senarai Arkitek dan Pelukis Pelan yang berdaftar dengan Majlis Perbandaran Pulau Pinang boleh didapati di Jabatan Bangunan, Tingkat 14, KOMTAR, Pulau Pinang.

Pastikan anda mendapat kelulusan terlebih dahulu sebelum memulakan apa-apa kerja pembinaan. Elakkan diri anda mengalami kerugian kerana cuai dan tidak mendapatkan nasihat yang betul.

